



# Panduan Ringkas

PENGGUNAAN APLIKASI





# Topik Kandungan



## 01 Pengenalan

Pengenalan dan fungsi  
Cisco Webex.

## 02 Memulakan Mesyuarat

Jenis akaun dan cara  
menjadualkan mesyuarat.

## 03 Menyertai Mesyuarat

Cara menyertai mesyuarat melalui  
jemputan menggunakan pelbagai  
medium.

## 04 Pelbagai *tools* dalam Webex

- *Audio, Video*, kongsi paparan,  
rekod, *chatting*, Q&A *etc.*

## 05 Webex Video Layout

- Jenis susun atur video didalam  
webex.





# Pengenalan<sup>01</sup>



**Cisco Webex Meeting** merupakan salah satu aplikasi panggilan video seperti Zoom, Google Meet, hingga Skype dan ia menggunakan system enkripsi *end-to-end* untuk menyokong keselamatan pengguna.

Webex bukan sahaja perisian persidangan audio video atas talian sahaja. Ia juga menawarkan Webex Teams, permesejan, perkongsian fail dan alat kolaborasi papan tulis

Perisian ini juga menawarkan akaun percuma dengan fungsi komunikasi atas talian hingga 100 peserta dengan tempoh maksima 40 minit. **\*\*Rujuk** <https://help.webex.com/en-us/now995h/Get-Started-with-Your-Free-Webex-Account>

Berikut adalah **ciri kelebihan** perisian aplikasi Cisco Webex Meeting :-

1. Boleh menggunakan arahan suara bebas tangan dengan *Google Assistant* dan *Google Home Hub*
2. Boleh digabungkan terus dari kalendar atau widget yang dapat disesuaikan
3. mempunyai pengesanan bunyi dan cadangan bisu yang dapat digunakan untuk membuat panggilan video dengan sedikit gangguan



# Memulakan Mesyuarat

## 02

### Akaun Percuma

1. Sign Up akaun Cisco Webex melalui [www.webex.com](http://www.webex.com) dan klik pada **Start for Free**. Masukkan alamat emel dan ikut arahan seterusnya.



2. Apabila akaun anda siap, Webex akan menghantar e-mel. Klik pautan dalam e-mel untuk membuat nama pengguna dan kata laluan. Ikut arahan seterusnya.


### Akaun UKM (Premium)

1. Akaun premium gunasama telah diberikan kepada setiap PTj melalui Instructor Webex yang dilantik oleh Ketua Pentadbiran PTj masing-masing.
2. Permohonan penggunaan sesi Webex Online Meeting perlu melalui PTj masing-masing .
3. Permohonan akaun premium individu tertakluk kepada syarat-syarat dan boleh dimohon melalui [adminwebexptm@ukm.edu.my](mailto:adminwebexptm@ukm.edu.my)

# Memulakan Mesyuarat 02

## Mulakan Webex Meeting melalui web browser

1. Layari [www.ukm.webex.com](http://www.ukm.webex.com) dan 'Sign in' ke akaun Cisco Webex Meeting anda.
2. Anda akan masuk ke *Personal Room* di mana terdapat *default* link yang direka khas untuk anda gunakan sebagai *invitation link* dengan pantas.
- 3.
4. Link ini mempunyai URL yang mudah diingat dan tidak pernah berubah yang boleh anda kongsi dan kenalan tahu di mana untuk bertemu dengan anda




Default Link untuk  
*Personal Room*

Klik butang *Schedule*  
untuk jadualkan  
mesyuarat akan datang

Untuk memulakan mesyuarat pantas, klik butang 'Start a meeting'

\*\*Manual lengkap layari <https://help.webex.com/en-us/xm3o0v/Schedule-a-Cisco-Webex-Meeting>




# Memulakan Mesyuarat 02


## Mulakan Webex Meeting melalui *mobile device*

1. Pasang aplikasi **Webex Meet** untuk iPhone atau iPad atau peranti Android anda. Log masuk ke aplikasi dengan kelayakan Webex anda.
2. Untuk memulakan mesyuarat dengan segera, klik '*Start Meeting*' Kemudian, di *Personal Room*, klik '*Start*' untuk memulakan mesyuarat.


3. Anda juga boleh menjadualkan mesyuarat akan datang melalui **Webex Meet**




Klik butang '*Meetings*'



Klik butang seperti kalendar dengan tanda tambah di atasnya




Klik butang '*Start Meeting*'



Klik butang '*Start*' untuk memulakan mesyuarat


Isi borang untuk menjadualkan perjumpaan - masukkan waktu, durasi, dan alamat e-mel setiap jempunan. Tetapkan kata laluan untuk mesyuarat.



# Menyertai Mesyuarat 03



**\*\*Anda boleh menyertai Webex Meeting melalui Web Browser, desktop App, mobile app di telefon pintar atau hanya audio melalui panggilan telefon**




Buat konfigurasi pada audio dan video bagi mesyuarat tersebut. Anda juga dapat menunjukkan atau menyembunyikan video, dan memilih apakah anda ingin memulakan panggilan dengan audio atau mematikan mikrofon anda

## Menyertai mesyuarat dari jemputan

1. Link jemputan akan diberikan melalui emel. Buka emel dan klik 'Join Meeting'

Klik butang 'Join Meeting'




Jika ini adalah kali pertama anda menyertai meeting Webex melalui computer, Webex secara automatic akan memberi pilihan untuk memuat turun Webex App.

### A : Desktop App

Jalankan pemasangan aplikasi. Ikut arahan seterusnya dan isikan maklumat jika diperlukan

Anda mungkin diminta memasukkan kata laluan untuk mesyuarat tersebut. Sekiranya demikian, anda boleh mendapatkannya dalam jemputan e-mel.



# Menyertai 03 Mesyuarat



**B : Web Browser**

Buat konfigurasi pada audio dan video bagi mesyuarat tersebut. Anda juga dapat menunjukkan atau menyembunyikan video, dan memilih apakah anda ingin memulakan panggilan dengan audio atau mematikan mikrofon anda



## Menyertai mesyuarat dari jemputan

1. Link jemputan akan diberikan melalui emel. Buka emel dan klik 'Join Meeting'

Klik butang 'Join Meeting'

Suhana Md Saif is inviting you to a scheduled Webex meeting.

Monday, May 10, 2021  
9:10 AM | (UTC+08:00) Kuala Lumpur, Singapore | 1 hr

**Join meeting**

More ways to join:

Join from the meeting link:

<https://ukm.webex.com/join?MTID=webex41895831568ad16174269a2d242>

Join by:

Meeting

Meeting

Meeting

Meeting

Meeting

Meeting

Open Cisco Webex Meetings?

<https://ukm.webex.com> wants to open this application.

Always allow [ukm.webex.com](https://ukm.webex.com) to open links of this type in the associated app

Open Cisco Webex Meetings

**Cancel**

Anda tidak perlu memasang aplikasi Webex App. Klik pada butang 'Cancel' bagi pilihan menggunakan Webex App

Starting your meeting...

Click **Open Cisco Webex Meetings** in the browser message.

Or

Seterusnya klik pada link 'Join from your browser'

[Join from your browser.](#)



# Menyertai 03 Mesyuarat



## C : Mobile App

### Menyertai mesyuarat dari jemputan


1. Pastikan perisian Webex Mobile App telah dipasang pada telefon pintar anda
2. Buka emel jemputan dan klik 'Join Meeting'

Buat konfigurasi pada audio dan video bagi mesyuarat tersebut. Anda juga dapat menunjukkan atau menyembunyikan video, dan memilih apakah anda ingin memulakan panggilan dengan audio atau mematikan mikrofon anda


Bila telah bersedia, klik butang 'JOIN'

Klik butang 'Join Meeting'

Webex Mobile App akan dibuka secara automatik



# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex

## A. Pilihan Audio


Jika ingin menyertai mesyuarat tanpa suara anda klik **Mute**




Anda akan lihat **Unmute** bila mic anda dalam mode senyap.

Klik **Unmute** bila anda ingin bercakap dalam mesyuarat.

Ada juga pilihan sistem audio yang akan digunakan dalam mesyuarat



\*\*Dalam Webex terdapat ciri tambahan istimewa untuk mengurangkan bunyi bising di sekeliling anda samasa mesyuarat




# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex

## B. Pilihan *Video*



Jika ingin menyertai mesyuarat tanpa video anda klik ***Stop Video***



Anda akan lihat  bila kamera anda dipadamkan. Klik ***Start Video*** bila anda ingin memaparkan video anda .



Ada juga pilihan konfigurasi video yang akan digunakan dalam Mesyuarat termasuk untuk menggunakan *virtual background*




# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



## C. *Share Content*

Untuk kongsi paparan dengan peserta lain didalam mesyuarat Klik **Share**  dan pilih maklumat skrin yang ingin anda kongsi

Kongsi **Screen** - memaparkan apa yang anda lihat didalam peranti anda kepada peserta lain.



Kongsi **Application** - memaparkan fail, media, video atau sebarang aplikasi terpilih sahaja..

► **Webex Desktop App** - Apabila anda mulai berkongsi paparan, anda akan menemui menu di bahagian atas skrin.


Kik **Stop Sharing** untuk menamatkan perkongsian paparan



Kik **Share** untuk mengubah jenis kandungan yang anda kongsi




# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex




## C. *Share Content*

- **Webex menggunakan *Browser*** - Apabila anda mulai berkongsi paparan, anda boleh klik butang *Share* atau *Stop Sharing*



# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



## C. *Share Content*

- ▶ **Webex Mobile App** - Semasa berkongsi skrin, anda boleh meninggalkan aplikasi Webex untuk menunjukkan kandungan dari aplikasi lain.




Untuk berhenti berkongsi, ketuk paparan waktu merah di kiri atas skrin dan kemudian klik "Berhenti."

Anda kemudian boleh kembali ke aplikasi Webex dan *tab* mana-mana bahagian skrin yang kosong untuk kembali ke mesyuarat.




# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex




## D. Merekod Mesyuarat

2 Pilihan merekod di dalam Webex:-

1. Merekod di *Cloud* – Kemudahan bagi akaun berbayar dan boleh dibuat oleh *host* dan *co-host* sahaja. Peserta perlukan kebenaran *host / co-host* untuk merakam. Anda boleh dapatkan semula pada ruangan *Recording* dalam akaun Webex anda
2. Merekod secara *locally* di dalam computer-Kemudahan semua akaun. Hanya *host, co-host* dan pembentang sahaja boleh merekod. Peserta perlukan kebenaran *host / co-host* untuk merakam




Klik 'Record'  
dibawah'papan  
untuk mula  
merekod.



Buat pilihan lokasi penyimpanan .  
Tekan butang **Record** untuk memulakan. Semua perbualan, video dan persembahan yang dikongsikan akan direkodkan untuk rujukan.



# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



## E. *Breakout Session*

**Sesi *breakout*** dalam perjumpaan adalah untuk menempatkan peserta anda ke dalam kumpulan yang lebih kecil di mana mereka dapat bekerjasama dan berkongsi idea  
Rujukan lengkap fungsi *breakout session* di <https://help.webex.com/en-us/nroo6fs/Webex-Meetings-Breakout-Sessions>



1. Pilih bilangan *breakout room* yang ingin dibuat
2. Bagaimana anda ingin menetapkan ahli bagi setiap *breakout room* dari 3 pilihan 1.secara *automatic*, 2.secara manual, 3. Peserta boleh memilih sendiri sesi yang ingin disertai
3. Klik *Create Assignments*
4. Setelah semua di kemaskini, Klik *Start Breakout Session*

\*\* <https://help.webex.com/en-us/nft9foq/Webex-Meetings-Create-Breakout-Sessions>


\*\* Hanya satu host atau co-host dapat membuka Breakout session Assignment dialog box dalam satu masa

# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



**Animasi Reaksi** dalam Webex membolehkan peserta mengekspresikan diri tanpa mengatakan apa-apa dalam pertemuan, acara, atau sesi *breakout*.


## F. Ikon Reaksi




✓ Anda boleh memilih dari 8 emoji untuk memberi maklum balas segera: *thumbs up*, bertepuk tangan, raikan, senyum, haha, wow, sedih, : *thumbs down*.

💡 **Gestures Reaction (Fungsi Baru 2021)** - Berkongsi maklum balas anda dan mengangkat tangan lebih mudah menggunakan isyarat tangan. Dengan ciri gerak isyarat, kecerdasan Webex menerjemahkan gerakan tangan mudah ke kamera anda (*thumbs up/down*, tepuk tangan, angkat tangan) untuk mewakili maklum balas anda sebagai ikon di skrin - tidak diperlukan papan kekunci.

# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex



## G. Tamatkan Sesi




Klik ikon ini untuk menamatkan atau meninggalkan mesyuarat.

## H. Peserta




Klik ikon *Participants* ini untuk menunjukkan senarai peserta yang mengikuti sesi atas talian tersebut.



# 04 Pelbagai *Tools* dalam Webex




## I. *Chatting*



Jika tetapan tuan rumah mengizinkannya, anda boleh berbual dengan orang lain dalam pertemuan, acara, atau sesi latihan. Klik Butang **Chat** untuk membuka ruangan *chat*.



Secara lalai, mesej akan dihanatr kepada semua yang ada didalam sesi tersebut. Untuk berbual secara peribadi, pilih nama di dalam senarai **Send To**.



## J. *Q&A dan Polling*



Q&A - Semasa sesi soal jawab mesyuarat, peserta dapat mengemukakan soalan kepada tuan rumah, *co-host*, dan pembentang, yang dapat menjawab dan memoderasi soalan tersebut.


Rujukan lengkap <https://help.webex.com/en-us/nakt8px/Question-and-Answer-Q-A-Sessions-in-Cisco-Webex-Meetings>

*Polling* - Sebagai hos acara atau ahli panel, anda boleh menggunakan tinjauan pendapat untuk membuat dan berkongsi soal selidik. Undian boleh berguna untuk mengumpulkan maklum balas dan pendapat, atau mengambil suara.


Rujukan lengkap [https://help.webex.com/en-us/3mg1pu/Manage-Polls-in-Webex-Events-Classic#ID\\_2615\\_000011ef](https://help.webex.com/en-us/3mg1pu/Manage-Polls-in-Webex-Events-Classic#ID_2615_000011ef)



# 05 Webex Video Layout



## 01 Active Speaker View



*Speaker* ditunjukkan di skrin tengah besar sementara skrin anda diminimumkan di sudut kanan bawah.

Ini adalah pemandangan yang bagus untuk mengadakan pertemuan 1: 1 dengan seseorang.

Walau bagaimanapun, jika terdapat lebih daripada dua peserta, perlu memilih antara dua pandangan yang lain.

## 02 Active Speaker and Thumbnail View




Ini adalah *default* paparan untuk mesyuarat dengan 3 atau lebih dalam satu paparan

*Speaker* ditunjukkan di skrin tengah besar dan beberapa peserta lain (biasanya 5 - 6) akan ditunjukkan di bahagian bawah skrin

Sekiranya anda mempunyai lebih daripada 6 peserta, anda boleh mengklik anak panah kiri / kanan untuk melihat lebih ramai peserta

# 05 Webex Video Layout



## 03 Grid View




Semua hadirin akan muncul di layar tengah dan masing-masing akan berada di grid kecil.

Ini bagus jika anda hanya akan mengadakan perbincangan / sembang dengan semua peserta dan dapat melihat ekspresi wajah mereka semasa mereka bercakap


Untuk menukar paparan, klik ikon *Layout*  dan kemudian pilih *view*.

\*\* Apabila tidak ada kandungan yang dibagikan, susun atur lalai adalah *Grid View*, tetapi ikonnya berubah untuk menggambarkan tata letak yang sedang Anda gunakan.



## Sebarang Pertanyaan

helpdeskptm@ukm.edu.my  
03-8921 7070  
ptm.ukm.my



Bahagian Khidmat Pelanggan, Pusat Teknologi maklumat